



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 26 /2024

MENYEMAI PENGORBANAN DALAM DIRI

28 Jun 2024

Bersamaan

21 Zulhijjah 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ،
وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا،
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pertama-tamanya, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, yang telah melimpahkan rahmat, kurniaan serta nikmat yang tak terhingga kepada kita semua. Sebagai tanda mensyukuri nikmat ini, marilah kita pertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan semua perintahNya serta menjauhi segala laranganNya. Dengan wujud takwa dalam dirilah, ia menjadikan kita Muslim sejati lagi patuh dan tunduk kepada perintah Allah SWT.

Tajuk khutbah pada hari ini ialah:

MENYEMAI PENGORBANAN DALAM DIRI

Jamaah Muslimin yang dirahmati Allah,

Apabila kita sebut tentang Qurban atau udhiyyah, ia bermula sejak zaman Nabi Ibrahim AS yang diperintah Allah SWT melalui mimpinya untuk menyembelih putera kesayangan baginda iaitu Ismail AS. Ketaatan Nabi Ismail dan keteguhan jiwa Nabi Ibrahim AS telah terbukti dalam menjalankan perintah Allah. Di saat leher Ismail telah siap untuk disembelih, seketika itulah Allah SWT menggantinya dengan seekor Kibash. Lalu melalui peristiwa itulah, kita diperintah untuk menyembelih haiwan Qurban. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Kautsar, ayat 1-2:

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ۝ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ۝

Maksudnya: ‘Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak. Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban.

Ibadah qurban, mengandungi hikmah yang sangat mendalam termasuk elemen kerohanian, dan juga kemasyarakatan. Ia mampu mendekatkan hamba kepada Allah SWT, sekaligus menyemai rasa peduli kepada sesama makhluk. Daging yang dibahagikan merupakan simbol kerjasama dan cakna yang mampu memperkuat kesatuan sesama umat Islam.

Dengan menyembelih binatang seperti unta, lembu, kerbau dan kambing, lalu membahagikan dagingnya kepada golongan fakir dan miskin, jiran tetangga dan sahabat handai, sesungguhnya ia merupakan sikap dan akhlaq yang harus kita miliki. Perasaan cinta untuk peduli kepada sesama manusia lebih-lebih lagi meringankan beban kesusahan saudara seagama, inilah sumbangan besar yang sedang dilaksanakan seseorang demi agama dan patuh kepada perintah Allah SWT.

Sidang Jemaah yang dimuliakan Allah,

Dr. Abdul Halim Mahmud, salah seorang ulama besar dari Al Azhar Mesir menjelaskan bahawa korban dan pengorbanan (at-tadhiyah) merupakan amalan Islam yang memerlukan kesabaran dalam mendekati diri kepada Allah. Ia juga dapat mengeratkan hubungan sesama insan, kerjasama melalui aktiviti melapah haiwan korban, mengagihkan daging kepada penerima, lalu mensyukuri nikmat pemberian Allah tersebut.

Jamaah Muslimin yang dirahmati Allah,

Sejak Islam mula bertapak di bumi Mekah dan Madinah, bermula saat itulah nilai-nilai pengorbanan mula disemai dalam diri umat Islam, sama ada pengorbanan harta, pengorbanan masa, pengorbanan fikiran, hinggalah kepada pengorbanan jiwa dan raga. Lihatlah bagaimana kehidupan Rasulullah SAW dan Siti Khadijah RA. yang terkenal sebagai hartawan Mekah telah menginfakkan hartanya untuk tujuan dakwah. Demikian juga Saidina Abu Bakar RA, sahabat terkemuka ini telah menggunakan hartanya sendiri untuk membebaskan Bilal bin Rabah RA yang memeluk Islam.

Demikianlah pengorbanan generasi pertama umat ini, baik sewaktu di Mekah maupun di Madinah. Pengorbanan masa juga dilakukan oleh seluruh Sahabat. Tiada seorang pun dari mereka kecuali mengorbankan masa dan waktu menyampaikan dakwah kepada orang lain demi membela agama yang mulia. Kita kenal nama seperti Salman Al-Farisi RA yang telah memberi idea menggali parit sebagai persiapan pertahanan tentera Islam di saat pasukan Ahzab hendak menyerang Madinah. Lalu perang tersebut dikenali perang Khandaq. Kekuatan buah fikirannya dicurahkan bagi merancang strategi perang, sehingga kaum muslimin mencapai kemenangan.

Pengorbanan nyawa juga sering terjadi kepada generasi pertama umat ini. Bermula dengan Sumayyah dan suaminya yang menjadi syuhada pertama, yang dibunuh kafir Quraisy lantaran tidak mahu kembali kepada kehidupan dan anutan jahiliyah. Tidak terhitung banyaknya jumlah syuhada sejak perang Badar, Uhud, Khandaq dan perang-perang berikutnya.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Hari ini, kita mungkin belum berkesempatan lagi untuk jihad fi sabilillah sebagaimana generasi Sahabat terdahulu. Namun medan pengorbanan lain masih terbuka luas antaranya:

Pertama, Amar ma'ruf nahi munkar. Inilah pengorbanan yang harus ada dan kita perlu lakukan bersama. Dakwah adalah usaha bagi memperkuat iman dan keislaman umat ini. Melalui medan dakwah setiap muslim diajak untuk beramal dengan Islam secara menyeluruh baik dalam diri, keluarga dan seterusnya masyarakat.

Kedua, berinfaq dan sedekah, baik yang wajib maupun yang sunat. Seorang muslim hendaklah meneruskan jiwa pengorbanan dengan istiqamah mengeluarkan hartanya di jalan kebaikan melalui sedekah, baik yang wajib seperti zakat, maupun yang sunat. Dengan menyantuni fakir miskin dan kaum dhuafa', bukan hanya kita bersyukur kepada Allah tetapi juga berupaya untuk memperkuat keislaman mereka lalu menyuburkan rasa cinta kepada agama dan sesama Islam.

Ketiga, sentiasa menyumbang sesuai dengan kekuatan dan kemahiran yang dimiliki. Ketika seorang muslim bekerja, hendaklah dia niatkan sebagai ibadah dengan membangun peradaban Islam, menyebarkan kebaikan dan manfaat bagi manusia. Dengan demikian, setiap penat lelahnya, peluh yang mengalir, buah fikiran yang diberikan kesemuanya dikira sebagai

sumbangan pengorbanan yang akan diberi ganjaran pahala besar di sisi Allah SWT nanti. Hal ini selari dengan sabda Nabi SAW:

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Maksudnya: Sebaik-baik manusia adalah mereka yang paling bermanfaat kepada manusia.

(Hadis Riwayat Ahmad)

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.

(Surah Ali Imran:104)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Wahai hamba-hamba Allah, berbaktilah kepada Allah SWT dan jagalah setiap gerak geri dan tutur kata. Setiap tindakan yang dilakukan dan setiap perkataan yang diucapkan pasti akan dicatat oleh malaikat. Sesungguhnya setiap manusia akan diserahkan buku amalan masing-masing pada hari Akhirat nanti, dan ketika itu setiap yang tercatat dalam buku amalan tidak dapat diubah dan tak dapat dipinda lagi. Mudah-mudahan dengan peringatan ini, kita akan menjadi hamba Allah yang mendapat rahmat serta keampunan-Nya dan dimasukkan ke dalam syurga bersama kekasih kita Nabi Muhammad SAW.

Begitu juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

Ya Allah,

Kami memohon hidayah dan petunjuk ke jalan kebenaran. Tetapkanlah iman kami di dalam agama-Mu. Basahilah lidah kami dengan bacaan al-Quran dan zikir kepada-Mu. Jadikanlah akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan kami. Pereratkanlah hubungan sesama kami, saling bekerjasama dan bantu membantu dalam kebajikan dan taqwa.

Ya Allah

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

Ya Allah,

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.